

**FAHAMAN ISLAM LIBERAL DAN PENENTANGANNYA
TERHADAP SYARI'AT ISLAM
Norarfan Zainal¹**

Abstrak

Perkembangan aliran Islam liberal yang memperjuangkan kebebasan mutlak tanpa batasan di rantau ini semakin membimbangkan. Jika sebelum ini, mereka memperjuangkan idea-idea liberal secara terbatas dan tertutup, kini mereka dilihat semakin berani menyuarakannya secara terang-terangan dan terbuka. Malah aliran ini semakin berkembang melalui pendaftaran sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selain bergerak secara individu dengan menyalurkan pandangan liberal mereka melalui media massa dan media sosial. Justeru, perkembangan aliran ini memerlukan respon dan perhatian yang serius kerana jika dibiarkan berkembang tanpa penjelasan dan penentangan yang sewajarnya, kehadirannya akan menjadi barah yang sukar dirawat kemudian hari apalagi aliran ini telah terbukti membawa fahaman yang jelas bersalahan dengan aqidah dan syari'at Islam berdasarkan ajaran Ahli Sunnah Waljama'ah. Kertas kerja ini akan mengupas perkembangan fahaman aliran ini di rantau ini dengan memfokuskan kajian dan perbincangan dalam aspek penentangan mereka terhadap syari'at Islam.

Pendahuluan

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang menjunjung agama Islam sebagai agama rasmi negara mengikut fahaman dan pendekatan Ahli Sunnah Waljama'ah sejak sekian lama. Sungguhpun demikian, negara ini juga tidak terlepas dari ancaman-ancaman penyelewengan akidah dan pemikiran sesat yang dibawa oleh musuh-musuh Islam yang bertujuan memecah-belahkan umat Islam serta mencemarkan kesucian dan kemurnian agama Islam dari dalam. Antara aliran dan fahaman kontemporari yang sedang berkembang dan berpotensi menjejaskan akidah dan keharmonian beragama di Negara Brunei Darussalam malah dunia Islam masa kini ialah aliran Islam Liberal.

Perkembangan Islam Liberal telah menarik perhatian umat Islam dewasa ini termasuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam apabila Baginda mengingatkan kepada masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Tahun Baru Hijrah 1434² tentang bahaya kefahaman atau pemikiran yang berbau Islam tetapi ianya bukan Islam dengan membawa contoh beberapa aliran yang dimaksudkan termasuk Islam Liberal, Pluralisme Ugama dan lain-lain. Umat Islam di negara ini juga diingatkan supaya tidak terbawa-bawa mencedok sebarang kefahaman atau pemikiran

¹ Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA). Kertas kerja dibentang dalam Seminar Kefahaman Aqidah dan Pemikiran Semasa 2019 (SEKAPES 2019) anjuran KUPU SB pada 14-15 Ogos 2019.

² Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1434 Pada 14 November 2012.

yang menyalahi aqidah kita yang telah dianut selama ini dan akan terus kekal turun-temurun sehingga ke akhir zaman.

Istilah “Islam Liberal” dipromosikan oleh penulis-penulis Barat maupun orang-orang Islam yang terkesan dengan pemikiran-pemikiran mereka seperti Leonald Binder yang menggunakan istilah “Islamic Liberalism”³ dan Charles Kurzman yang memakai istilah “Liberal Islam”⁴. Istilah ini digunakan untuk menjelaskan idea kebebasan mutlak tanpa sekatan, baik dalam bidang agama, ekonomi, sosial, politik dan perundangan. Aliran ini bergerak secara halus bertopengkan intelektual dengan tujuan untuk meruntuhkan sendi-sendi kefahaman agama Islam yang sedia terbina. Intipati ajaran dan fahaman ini teradun dalam tiga komponen utama iaitu *sekularisme*, *inklusifisme*, dan *pluralisme* agama⁵. Dalam menafsirkan teks al-Qur’an pula mereka amat cenderung kepada metod *hermeneutik*.^{6,7} Mereka yang terpengaruh dengan model pemikiran seperti ini akan bersikap agresif dan berani melanggar perkara-perkara asasi dan prinsip dalam ajaran agama.

Menurut Khalif Muammar, pemikiran Islam Liberal boleh dikenalipasti melalui ciri-ciri seperti rasionalisme dan sekularisme, penolakan terhadap syariah, pluralisme agama, penolakan terhadap autoriti keagamaan, kebebasan mentafsirkan teks-teks agama Islam, tiada dakwaan kebenaran (faham relativisme), mempromosikan nilai-nilai Barat, pembebasan wanita dan mendukung demokrasi liberal sepenuhnya.⁸ Berdasarkan ciri-ciri ini, mereka yang terpengaruh dengan fahaman Islam liberal mudah dikesan termasuk orang-orang tempatan di Negara Brunei Darussalam yang berani mengemukakan pandangannya melalui media massa dan media sosial.

Perkembangan aliran Islam Liberal rantau ini

Kehadiran aliran Islam liberal di rantau ini bukan sahaja bermotif ideologi, malahan juga bertujuan untuk melemahkan kekuatan umat dan negara Islam. Mereka menggunakan pelbagai nama aliran yang sebahagiannya jelas menggambarkan pola pemikiran mereka seperti Jaringan Islam Liberal (JIL)⁹ di Indonesia. Kemunculan JIL dipelopori sekumpulan pemikir muda yang terdiri dari Ulil

³ Sila lihat: Leonard Binder. *Islamic Liberalism*. Chicago 1988.

⁴ Sila lihat: Charles Kurzman. *Liberal Islam: A Source Book*. Oxford, 1998. Kurzman merujuk penggunaan istilah ini dari Asaf ‘Ali Asghar Fyzee, intelektual muslim India. Fyzee orang pertama yang menggunakan istilah “Islam liberal” dan “Islam Protestan” untuk merujuk kecenderungan tertentu dalam Islam.

⁵ Sekulerisme adalah faham yang menganggap bahawa agama tidak ada urusan dengan keduniaan, kehidupan bernegara dan sebagainya. Manakala inklusifisme adalah faham yang menganggap Islam dan agama bukan Islam adalah sama. Tidak ada kebenaran mutlak dalam agama. Setiap orang tidak boleh mengakui bahawa agamanya sahaja yang benar. Manakala pluralisme pula ialah suatu fahaman yang menganggap bahawa semua agama sejajar (*paralel*) dan mempunyai prinsip yang sama, cuma berbeza dari sudut teknikal semata-mata atau cara sampai kepada tuhan.

⁶ Pentafsiran semula al-Qur’an menggunakan kaedah ‘hermeneutika’ yang dicelup dari kaedah pentafsiran Bible. Sebagaimana Bible dikaji, di mana ayat-ayat yang benar cuba diasingkan dari yang salah, teks al-Qur’an juga dikaji dan diubah mengikut kehendak pentafsir. Menurut kaedah ‘pentafsiran’ ini, teks al-Qur’an tiada bezanya dengan tulisan-tulisan lain dan tidak harus dimuliakan kerana ianya juga mungkin mengandungi kelemahan dan kesilapan.

⁷ Ramli Awang. *Gagasan Islam Liberal: Gagasan dan Penilaian*. Hlm. 1.

⁸ Khalif Muammar. 2006. *Atas nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal*. Selangor: Akademi Kemajuan Ketamadunan.

⁹ Jaringan Islam Liberal menggariskan manifestonya seperti berikut:

“Nama “Islam liberal” menggambarkan prinsip yang kami anut, yaitu Islam yang menekankan kebebasan pribadi dan pembebasan dari struktur sosial-politik yang menindas. Kami percaya, Islam selalu dilekati kata sifat, sebab kenyataannya Islam ditafsirkan berbeda-beda sesuai dengan kebutuhan penafsirnya. Kami memilih satu jenis

Abshar Abdalla, Ahmad Sahal, dan Goenawan Mohamad (ISAI) sekitar tahun 2001. Tujuan utamanya ialah menyebarkan gagasan Islam liberal seluas-luasnya.

Sungguhpun demikian, perkembangan Islam Liberal di Indonesia bergerak secara sistematis sejak awal tahun 1970-an lagi. Menurut Adian Husaini, secara umum, ada tiga bidang penting dalam ajaran Islam yang menjadi sasaran liberalisasi yaitu bidang akidah melalui penyebaran fahaman pluralisme agama, bidang syari'ah dengan melakukan perubahan metodologi ijtihad dan seterusnya liberalisasi konsep wahyu dengan melakukan dekonstruksi terhadap al-Qur'an.¹⁰

Di Malaysia, gerakan liberal tidak menamakan gerakan mereka sebagai pertubuhan Islam Liberal sebagaimana keadaannya di Indonesia, sebaliknya dilakukan oleh individu-individu melalui pertubuhan NGO yang memperjuangkan demokrasi dan kebebasan, fahaman persamaan semua agama dan fahaman persamaan hak antara wanita dan lelaki (feminisme).¹¹ Usaha ini dilakukan melalui tulisan-tulisan dalam akhbar, atau menerbitkan buku-buku yang menyokong fahaman Islam Liberal. Diantara gerakan yang terkenal membawa fahaman ini ialah kumpulan Sister In Islam (SIS).¹² Gerakan ini terkenal dengan misinya untuk memahami ajaran Islam yang kononnya berasaskan kesamaan hak, keadilan, kebebasan dan demokrasi.¹³

Kumpulan Sister in Islam terlibat di dalam gerakan yang berbentuk praktikal menyokong tuntutan yang dibawa oleh NGO bukan Islam seperti menyokong penubuhan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang diseminarkan pada 24 Februari 2005.¹⁴ IFC merupakan suruhanjaya yang ditubuhkan

tafsir –dengan demikian juga memilih satu kata sifat– yaitu “liberal”. Untuk mewujudkan Islam liberal, kami membentuk “Jaringan Islam Liberal”. Landasan penafsiran kami adalah:

- i. Membuka pintu ijtihad pada semua dimensi Islam termasuk perkara berkaitan ‘*ubudiyat* (ritual) dan *ilahiyyat* (teologi).
- ii. Mengutamakan semangat religio-etik, bukan makna literal teks.
- iii. Mempercayai kebenaran yang relatif, terbuka dan plural.
- iv. Memihak pada yang minoritas dan tertindas mencakupi minoriti agama, etnik, ras, gender, budaya, politik, dan ekonomi.
- v. Meyakini kebebasan beragama dan menyatakan bahawa urusan beragama dan tidak beragama adalah hak perorangan yang harus dihargai dan dilindungi.
- vi. Memisahkan otoriti duniawi dan ukhrawi, otoriti keagamaan dan politik.”
[sumber: hasil SWOT JIL di Ancol, Jakarta, Agustus 2003/swaramuslim]

¹⁰ Adian Husaini. *Liberalisasi Islam di Indonesia*. 2006. Hlm. 11

¹¹ Dalam laman sesawangnya dinyatakan bahawa “*Sisters In Islam (SIS) is a group of Muslim women committed to promoting the rights of women within the framework of Islam. Our efforts to promote the rights of Muslim women are based on the principles of equality, justice and freedom enjoined by the Qur'an as made evident during our study of the holy text*”. (Sila rujuk: <https://www.sistersinislam.org.my/> dan https://en.wikipedia.org/wiki/Sisters_in_Islam, diakses pada 3 Ogos 2019).

¹² Haji Mohammad Ariffin Ismail. *Cabaran Akidah: Pemikiran Islam Liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Hlm. 4.

¹³ Misi Sister in Islam sebagaimana yang dinyatakan ialah “*to promote an awareness of the true principles of Islam, principles that enshrine the concept of equality between women and men, and to strive towards creating a society that upholds the Islamic principles of equality, justice, freedom and dignity within a democratic state*”. (Sila rujuk: <https://www.sistersinislam.org.my/>, diakses pada 3 Ogos 2019).

¹⁴ Anis Shakila Binti Ismail (2006), *Pemikiran Islam Liberal Di Malaysia: Kajian Terhadap Isu Yang Ditimbulkan Oleh Farish Noor Dan Syed Akhbar Ali*. Kertas Projek Sarjana Muda Usuluddin. APIUM, hlm. 43.

oleh Majlis Peguam Malaysia dan disokong oleh Majlis Perundangan Malaysia bagi Ajaran Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS). IFC mempunyai peranan sebagai penyiasat, perantara, perunding dan pendamai terhadap dakwaan perbuatan yang menjejaskan keharmonian agama. Pada asalnya IFC ialah IRC–Inter Religious Council adalah sebuah suruhanjaya yang dicadangkan seperti badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesetengah agama, akibat daripada desakan penganut agama lain. Badan ini berfungsi mirip SUHAKAM yang menerima dan melayan aduan–aduan berkaitan agama. Matlamat penubuhan IFC adalah untuk meminda beberapa ajaran asas Islam yang akan merosakkan akidah umat Islam dan berpihak kepada kepentingan orang-orang Bukan Islam. Tuntutan orang-orang bukan Islam melalui IFC;

- 1) Seseorang anak yang dilahirkan oleh ibubapa Islam tidak seharusnya secara terus menjadi orang Islam.
- 2) Orang-orang bukan Islam yang telah memeluk agama Islam hendaklah diberikan kebebasan untuk kembali kepada agama asal mereka (murtad) dan tidak dikenakan tindakan undang-undang.
- 3) Sebarang kes pertukaran agama Islam kepada bukan Islam tidak sepatutnya dikendalikan oleh mahkamah sivil.
- 4) Tidak perlu dicatatkan di dalam kad pengenalan seseorang Muslim bahawa ia beragama Islam.
- 5) Orang-orang bukan Islam tidak perlu dikehendaki menganut agama Islam sekiranya ingin berkahwin dengan orang Islam. Orang Islam hendaklah dibenarkan keluar daripada Islam (murtad) sekiranya ingin berkahwin dengan orang bukan Islam tanpa boleh dikenakan apaapa tindakan undang-undang.
- 6) Seseorang pasangan suami atau isteri yang menukar agama dengan memeluk Islam tidak patut diberikan hak jagaan anak.
- 7) Orang bukan Islam yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan seorang yang memeluk Islam hendaklah diberikan hak menuntut harta pusaka selepas kematiannya.
- 8) Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi untuk membina dan menyelenggarakan rumah-rumah ibadat orang bukan Islam sebagaimana kerajaan menyediakan dana untuk masjid.
- 9) Orang bukan Islam hendaklah dibenarkan dan tidak boleh dihalang daripada menggunakan perkataan-perkataan suci Islam dalam percakapan dan sebagainya.
- 10) Bible dalam bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia sepatutnya dibenarkan edar secara terbuka.
- 11) Pelajaran agama bukan Islam untuk penganut agama itu hendaklah diajar di semua sekolah.
- 12) Program-program berunsur Islam dalam bahasa ibunda sesuatu kaum hendaklah ditiadakan. Program dakwah agama lain selain Islam pula hendaklah dibenarkan untuk disiarkan dalam bahasa ibunda masing-masing.
- 13) Orang Islam yang membayar zakat tidak sepatutnya dikecualikan membayar cukai pendapatan dan wang hasil zakat sepatutnya digunakan juga untuk keperluan orang bukan Islam.
- 14) Sepatutnya Islam tidak disebut sebagai pilihan pertama masyarakat seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah.

Tuntutan IFC ini telah mendapat tentangan habis-habisan oleh pelbagai NGO Islam dan ditolak cadangan penubuhannya oleh pihak kerajaan sendiri. Penolakan NGO Islam ini membuktikan

bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih beristiqamah mempertahankan dominasi Islam di dalam masyarakat Malaysia.¹⁵

Prinsip Islam Liberal

Secara umumnya, aliran Islam Liberal berpegang kepada beberapa prinsip ajaran yang tidak terpisah dari roh perjuangan mereka iaitu:

1. Sekularisme:

Fahaman Islam Liberal menegaskan bahawa negara adalah kehidupan yang bersifat keduniaan; pembentukannya berdasarkan rasional dan kemasyarakatan sementara agama pula bersifat kerohanian dan urusan peribadi. Justeru, masalah kenegaraan bukan urusan Islam.¹⁶

2. Inklusifisme dan Pluralisme Agama:

Inklusifisme dan Pluralisme agama merupakan konsep yang luas tentang penerimaan pelbagai agama yang menjadi dukungan golongan berfahaman liberal. Mereka mengetengahkan satu gagasan bahawa tiada satu pun agama yang tunggal dan eksklusif untuk menjadi sumber kebenaran, atau setidaknya terdapat kebenaran dan nilai yang benar dalam agama lain.¹⁷

Justeru, para pendukung Islam Liberal berpegang kepada prinsip bahawa semua agama sama. Bagi mereka, setiap orang adalah bebas untuk memilih agama yang disukainya dan boleh bertukar agama bila-bila masa, kerana ia adalah hak asasi manusia.¹⁸ Ulil Abshar Abdalla mengatakan: “*Semua agama sama. Semuanya menuju jalan kebenaran. Jadi, Islam bukan yang paling benar.*”¹⁹ Beliau juga menulis: “*Dengan tanpa rasa sungkan dan kikuk, saya mengatakan, semua agama adalah tepat berada pada jalan seperti itu, jalan panjang menuju Yang Mahabener. Semua agama, dengan demikian, adalah benar, dengan variasi, tingkat dan kadar kedalaman yang berbeda-beda dalam menghayati jalan religiusitas itu. Semua agama ada dalam satu keluarga besar yang sama: yaitu keluarga pencinta jalan menuju kebenaran yang tak pernah ada ujungnya.*”²⁰ (Kompas, 18-11-2002, dalam artikelnya berjudul “Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam”).

Fahaman sedemikian jelas menafikan dan sekaligus menolak kenyataan al-Qur’an yang menegaskan bahawa hanya Islam sahaja agama yang diredai Allah. Firman Allah *subhanahu wata’ala*:

“Pada hari ini, Aku telah menyempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan atas kamu ni’mat-Ku, dan Aku telah meredhai bagi kamu Islam sebagai agama (kamu).” (al-Ma’idah: 3)

Firman Allah lagi:

“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam”. (Āli ‘Imrān: 19)

Allah dengan tegas tidak menerima agama selain Islam. Firman-Nya:

“Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya, dan ia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi”. (Āli ‘Imrān: 85)

¹⁵ Mustafa Ma. Ancaman Terhadap Hak-Hak Orang Islam. Persidangan Implikasi Cadangan Penubuhan IFC Terhadap Hak-Hak Orang Islam. Kuala Lumpur. 2005. Hlm.1

¹⁶ Ramli Awang. Op.cit. Hlm. 6.

¹⁷ Ibid. Hlm. 11.

¹⁸ Hartono Ahmad Jaiz dan Agus Hasan Bashori (2004). *Menangkal Bahaya JIL dan FLA*. Pustaka Al-Kautsar: Jakarta. hlm.17.

¹⁹ Majalah GATRA, 21 Desember 2002.

²⁰ Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam. Kompas, 18 Nov 2002.

Agama Islam menghargai toleransi agama lain dan hidup kebersamaan (*coexistence*) tetapi tidak menganggap semua agama adalah sama. Dengan erti kata lain, Islam tidak menganggap bahawa Tuhan yang disembah oleh agama lain selain agama Islam sama dengan Tuhan yang disembah oleh orang Islam.

Liberalisasi Syari'ah

Golongan Islam Liberal tidak menzahirkan diri mereka sebagai orang yang menolak agama, sebaliknya mereka berselindung di sebalik gagasan mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Qur'an, menilai semula syariat dan hukum-hukum fikah yang dihasilkan oleh ulama Islam atau fuqaha yang dianggap sudah ketinggalan zaman. Mereka menolak segala tafsiran yang dikatakan lama dan kolot mengenai agama termasuk hal yang telah menjadi ijma' ulama.

Bagi mereka, agama hendaklah disesuaikan kepada realiti semasa, sekalipun terpaksa menafikan hukum-hakam dan peraturan agama yang telah sabit dengan nas-nas Syarak secara putus (*qat'ie*). Jika terdapat hukum yang tidak menepati zaman, kemodenan, hak-hak manusia, tamadun global dan tidak selaras dengan rasional akal, maka hukum itu hendaklah ditakwilkan atau sebolehnya digugurkan.²¹ Atas dasar ini, golongan ini membuka pintu ijtihad seluas-luasnya.

Sudah tentu sikap ini memberi peluang kepada orang-orang jahil melakukan ijtihad sendiri untuk menghasilkan pemikiran-pemikiran keliru yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Inilah yang mendorong "Irshad Manji"²² seorang aktivis yang beragama Islam dan menerima pendidikan aliran sekular dari Barat mengasaskan "Projek Ijtihad" nya di Kanada, kononnya akan melahirkan pemikiran dan ijtihad baharu tentang Islam yang dilihat tidak realistik dan zalim pada fikirannya. Akan tetapi hasil kajiannya menunjukkan bahawa ia seorang pembawa ideologi "pluralisme ugama", menghina al-Qur'an dan menghina Nabi Muhammad serta ingin mengubah tatacara ibadah ugama Islam yang sudah diwarisi dari Rasulullah dan para sahabat Baginda. Beliau juga menegaskan bahawa tidak salah untuk wanita Islam berkahwin dengan bukan Islam, mengamalkan lesbian dan homoseksual.

Dalam Islam, ijtihad merupakan perkara yang penting dalam pembinaan hukum dan ia sentiasa berkembang mengikut kesuaian masa, keadaan dan tempat. Bagaimanapun, lapangan ijtihad mestilah perkara yang tiada nas syara' yang jelas tentang hukumnya. Demikian juga dengan mujtahid, hendaklah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan seperti beragama Islam dan bersifat adil, baligh, mengetahui nas dan dalil yang berkaitan dengan hukum hakam, mengetahui tentang ulum al-Qur'an dan hadits, menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan seperti *qiyas*, *ijma'*, bahasa Arab, *nasikh* dan *mansukh*, usul fiqh, *asbab nuzul*, *asbab wurud hadits* dan mempunyai kefahaman yang baik dalam membezakan pendapat yang benar dan salah.²³ Justeru, melakukan ijtihad tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya, sebaliknya keharusan berijtihad dalam mengeluarkan hukum adalah terikat dengan syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi.

Maka adalah jelas agenda aliran ini, selain berusaha untuk mencapai misi tertentu, aliran ini juga sentiasa berusaha mengatur strategi untuk merosakkan ajaran Islam dari dalam. Pada pandangan

²¹ Haji Mohammad Ariffin Ismail. *Cabaran Aqidah: Pemikiran Islam Liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Hlm. 3.

²² Irsyad Manji berasal dari Kanada berkelahiran Uganda pada tahun 1968. Ibubapanya berasal India dan Mesir. Beliau melarikan diri bersama keluarganya sebagai "political refugees" ke Vancouver, Kanada tahun 1971-73.

²³ Abd Wahhab Kallaf. *Ilmu Usul Fiqh Wa Khalasah at-Tasyri'al-Islai*. Darul Fikir al-'Arabi. 1995. Hlm. 259.

mereka, salah satu strategi yang berkesan ialah melakukan ijtihad sebebaskan-bebasnya. Menurut mereka lagi, kemajuan dan modenisasi tidak dapat dicapai sekiranya ajaran Islam tidak direkonstruksi. Mereka beranggapan hukum syara' yang dianut umat Islam kini adalah ciptaan fuqaha dan merupakan produk ulama dan pemerintah tertentu untuk terus berkuasa. Antara hukum-hukum syari'ah yang perlu dinilai semula menurut pandangan aliran Islam Liberal adalah perkahwinan berlainan agama, hak poligami, hukum bunuh ke atas orang murtad, hukuman hudud, kewajipan menutup aurat, hak wanita untuk menjadi imam dan melepaskan talak, hak suami menceraikan isteri, larangan perkahwinan sejenis, pembahagian pusaka dan lain-lain.

Non Muslim boleh menikah wanita muslimah

Aliran Islam Liberal mempertikai hukum syara' yang melarang pernikahan berlainan agama. Mun'im Sirry dalam bukunya "Fiqh Lintas Agama" menyatakan:

*"Soal pernikahan laki-laki non-Muslim dengan wanita muslimah merupakan urusan ijtihad dan terikat dengan konteks tertentu, di antaranya konteks dakwah Islam pada saat itu, di mana jumlah umat Islam tidak sebesar saat ini, sehingga pernikahan antara agama merupakan sesuatu yang terlarang. Oleh kerana kedudukannya sebagai hukum yang lahir dari proses ijtihad, maka amat dimungkinkan bila dicetuskan pendapat baru bahawa wanita muslimah boleh menikah dengan laki-laki non muslim atau pernikahan berlainan agama secara lebih luas amat dibolehkan apapun agama dan aliran kepercayaannya".*²⁴

Ulil Abshar Abdalla juga menulis:

*"Larangan kahwin berlainan agama, dalam hal ini antara perempuan Islam dengan lelaki non-Islam, sudah tidak relevan lagi."*²⁵

Nuryamin Aini juga menggugat hukum perkawinan antara-agama:

*"Maka dari itu, kita perlu meruntuhkan mitos fikih yang mendasari larangan bagi perempuan muslim untuk menikah dengan laki-laki nonmuslim... Isu yang paling mendasar dari larangan PBA (Perkawinan Beda Agama) adalah masalah sosial politik. Hanya saja, ketika yang berkembang kemudian adalah logika agama, maka konteks sosial-politik munculnya larangan PBA itu menjadi tenggelam oleh hegemoni cara berpikir teologis."*²⁶

Dalam Islam, seseorang muslim sama sekali tidak boleh mengahwini pasangan yang tidak memeluk agama Islam dan beriman kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah yang mafhumnya: "(Wahai orang-orang Islam) Janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan musyrik sehingga mereka beriman (memeluk agama Islam)" (al-Baqarah: 221).

Menghalalkan perkahwinan sejenis

Satu lagi perkembangan yang semakin menggusarkan umat Islam masa kini ialah peningkatan jumlah orang-orang Islam yang terpengaruh dengan hujah-hujah aliran Islam Liberal dalam menghalalkan perkahwinan sejenis. Adalah sesuatu yang mengejutkan dalam era globalisasi ini dan ianya tidak pernah berlaku dalam sejarah nusantara kehadiran orang-orang Islam dalam

²⁴ Mun'im Sirry (ed). Fiqh Lintas Agama. 2004. Hlm.164.

²⁵ Harian Kompas, Edisi 18 November 2002.

²⁶ Jaringan Islam Liberal. Jakarta. 2005. Hlm. 220-221.

pelbagai peringkat umur berpartisipasi melakukan demonstrasi mempertahankan hak berkahwinan sejenis dan hak LGBT²⁷ di rantau ini²⁸.

Di peringkat institusi pengajian tinggi Indonesia muncul pula gerakan yang mengizinkan perkahwinan homoseksual dengan terbitnya sebuah buku: “Indahnya Kawin Sejenis”. Buku ini adalah kumpulan artikel yang ditulis dalam Jurnal “Justisia”.²⁹ Dalam buku ini tertulis strategi gerakan yang harus dilakukan untuk menghalalkan perkahwinan homoseksual di Indonesia.

“Bentuk gerakan yang harus dibangun adalah:

- (1) mengorganisasi kaum homoseksual untuk bersatu dan berjuang merebut hak-haknya yang telah dirampas oleh Negara
- (2) memberi pemahaman kepada masyarakat bahawa apa yang terjadi pada diri kaum homoseksual adalah sesuatu yang normal dan fitrah, sehingga masyarakat tidak memencilkannya bahkan sebaliknya, masyarakat ikut terlibat menyokong setiap gerakan kaum homoseksual dalam menuntut hak-haknya
- (3) melakukan kritik dan reaktualisasi tafsir keagamaan (tafsir kisah Luth dan konsep pernikahan) yang tidak memihak kaum homoseksual
- (4) menyuarakan perubahan Undang-undang Perkahwinan No 1/1974 yang mendefinisikan perkahwinan harus antara laki-laki dan wanita.” (Lihat buku *Indahnya Kawin Sesama Jenis: Demokratisasi dan Perlindungan Hak-hak Kaum Homoseksual*, Lembaga Studi Sosial dan Agama, Semarang, 2005)

Pada bahagian penutup buku tersebut, tertulis kata-kata yang tidak pernah terbayangkan sebelumnya oleh seorang muslim pun: “*Hanya orang primitif saja yang melihat perkahwinan sejenis sebagai sesuatu yang abnormal dan berbahaya. Bagi kami, tiada alasan kuat bagi siapapun dengan dalil apapun, untuk melarang perkahwinan sejenis. Sebab, Tuhan pun sudah maktum, bahawa projeknya menciptakan manusia sudah berhasil bahkan berterusan.*”

Akhbar harian The Jakarta Post, edisi Jumaat (28/3/2008) dalam halaman muka depan menerbitkan berita berjudul Islam ‘*recognizes homosexuality*’ (Islam mengakui homoseksualiti). Akhbar ini memetik pendapat daripada Musdah Mulia yang menegaskan bahawa homoseksual dan homoseksualiti adalah alami (semulajadi) dan diciptakan oleh Tuhan, kerana itu ia dihalalkan dalam Islam.³⁰

Menurut Musdah lagi, para sarjana Muslim moderat berpendapat bahawa tidak ada alasan untuk menolak homoseksual ini kerana kritikan terhadap homoseksual atau homoseksualiti oleh kalangan ulama arus perdana dan kalangan Muslim lainnya hanyalah dibuat berdasarkan penafsiran sempit terhadap ajaran Islam.³¹ Dengan merujuk ayat al-Qur’an surah Hujurat ayat 3,

²⁷ LGBT bermaksud Lesbian, gay, biseksual dan transgender

²⁸ Akhbar-akhbar tempatan Malaysia melaporkan satu perhimpunan sempena Hari Wanita Sedunia disertai golongan LGBT di ibukota Malaysia pada 9 Mac 2019. (Sila lihat: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/432071/selar-perhimpunan-lgbt>. Diakses pada: 3 Ogos 2019).

²⁹ Diterbitkan oleh Fakulti Syariah IAIN Semarang. Edisi 25, Th XI, 2004.

³⁰ Musdah mengatakan: “*Homosexuals and homosexuality are natural and created by God, thus permissible within Islam*”.

³¹ Musdah seterusnya mengatakan: “*Moderate Muslim scholars said there were no reasons to reject homosexuals under Islam, and that the condemnation of homosexuals and homosexuality by mainstream ulema and many other Muslims was based on narrowminded interpretations of Islamic teachings.*”

Musdah menyatakan bahawa salah satu berkat Tuhan adalah semua manusia, baik lelaki ataupun wanita, adalah sederajat, tanpa mengira etnik, kekayaan, kedudukan sosial ataupun orientasi seksual. Kerana itu, Musdah Mulia yang juga dikenal sebagai aktivis Islam Liberal dan kebebasan beragama daripada kumpulan ICRP (Indonesia Conference of Religions and Peace) ini berkata “tidak ada perbezaan di antara lesbian dengan non-lesbian. Dalam pandangan Tuhan, manusia dihargai hanya berdasarkan ketaatannya.”³²

Perkahwinan sejenis dalam agama Islam merupakan suatu perbuatan keji dan haram. Allah *subhanahu wata'ala* tidak teragak-agak akan menimpakan azab ke atas mereka di dunia sebagaimana yang terjadi ke atas kaum Nabi Luth yang telah dibinasakan oleh Allah atas perlakuan keji mereka melakukan pernikahan sejenis.³³ Perbuatan ini bukan sahaja merosakkan kemuliaan dan martabat kemanusiaan, tetapi juga mendatangkan risiko yang berat seperti menimbulkan penyakit kanser kelamin, AIDS dan sebagainya.

Tiada beza pelacur dengan pernikahan halal

Muhidin M. Dahlan, penulis buku berjudul “Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur” menegaskan:

“Pernikahan yang dikatakan sebagai pembirokrasian seks ini, tak lain tak bukan adalah lembaga yang berisi tong-tong sampah penampung sperma yang secara anarkis telah membelah-belah manusia dengan klaim-klaim yang sangat menyakitkan. Istilah pelacur dan anak haram pun muncul dari rezim ini. Perempuan yang melakukan seks di luar lembaga ini dengan sangat kejam diposisikan sebagai perempuan yang sangat hina, tuna, lacur, dan tak pantas menyandang harga diri. Padahal, apa bedanya pelacur dengan perempuan yang berstatus istri? Posisinya sama..”

Menolak beberapa hukum *ahwal syakhshiyah* (poligami, iddah, talak, pembahagian waris)

Dalam Rancangan Kompilasi Hukum Islam (Counter Legal Draft) yang diajukan kepada Kementerian Agama Indonesia, kumpulan Islam Liberal Indonesia di bawah seliaan Musdah Mulia memberikan beberapa cadangan perubahan hukum Islam:

Pasal 3 ayat 1: Asas perkahwinan adalah monogami dan perkahwinan. Poligami adalah tidak sah dan harus dinyatakan batal secara hukum.

Pasal 9: Ijab-kabul boleh dilakukan oleh isteri–suami atau sebaliknya suami–isteri.

Pasal 54: Perkahwinan berbeza agama antara muslim atau muslimah dengan non-muslim disahkan.

Pasal 59: Talak tidak dijatuhkan oleh pihak laki-laki, tetapi boleh dilakukan oleh suami atau isteri di depan sidang pengadilan agama.

Pasal 88 ayat 7a: Masa iddah bukan hanya dimiliki oleh wanita tetapi juga untuk lelaki. Masa iddah bagi lelaki adalah seratus tiga puluh hari.

Pasal 8 ayat 3: Bahagian warisan anak laki-laki dan wanita adalah sama.

³² Menurut Musdah lagi: “*There is no difference between lesbians and nonlesbians. In the eyes of God, people are valued based on their piety*”. Sila rujuk: <http://www.thejakartapost.com/news/2008/03/27/islam-039recognizes-homosexuality039.html> accessed on 01/8/2019.

³³ Surah al-‘Araf: 80-84.

Di Malaysia, perubahan hukum syariah khususnya yang berkaitan dengan hukum keluarga Islam disuarakan oleh kelompok Sister in Islam.

Dalam isu Rang Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan (Pindaan 2005) Sisters in Islam (SIS) bersama kumpulan wanita yang lain telah menentang kuat Rang Undang-Undang tersebut atas dakwaan kononnya ia akan menzalimi perempuan. Sebelum itu mereka juga menentang Rang Undang-Undang Jenayah Syariah Terengganu (Hudud) dengan membangkitkan polemik kononnya undang-undang itu akan menzalimi wanita yang dirogol. SIS juga terkenal sebagai kumpulan yang menentang amalan poligami secara keseluruhannya dan pernah melancarkan kempen monogami secara terbuka.³⁴

Wanita boleh mengimamkan solat

Gerakan Feminis Amina Wadud³⁵ menyebarkan ajaran bahawa wanita boleh mengimamkan Solat dari jama'ah campuran kaum adam dan hawa atas nama kesaksamaan gender. Di Oxford, terdapat sebuah pusat agama yang membimbing kelas pengajaran agama dengan menyuruh pelajar perempuan melaungkan azan sebelum solat bermula.

Kritikan terhadap al-Qur'an

Aliran Islam Liberal menganggap kitab suci al-Qur'an yang merupakan sumber utama pensyariat hukum hanya dilihat oleh aliran ini sebagai buku rujukan sejarah yang perlu dikritik baik dari sudut kesahihan ayat-ayatnya dan juga pentafsirannya.

Sumanto al-Qurtubi menegaskan: "*Wajar jika muncul anggapan bahwa pembukuan Qur'an hanya siasat bangsa Quraisy, melalui Usman, untuk mempertahankan kuasa mereka atas bangsa Arab (dan Islam).Hanyalah orang yang mensakralkan (mensucikan) Qur'anlah yang berhasil terperangkap siasat bangsa Quraisy tersebut*".³⁶

Justeru, tidak menghairankan aliran ini berusaha mencari kelemahan al-Qur'an. Menurut Aksin Wijaya: "*Mushaf (Usmani) itu tidak sakral atau absolut, melainkan profan dan fleksible. Yang sakral dan absolute hanyalah pesan Tuhan yang terdapat di dalamnya, yang masih dalam proses*

³⁴ Riduan Mohd.Nor. Siri Serangan Pemikiran. MHI Publication. 2006. Hlm. 49.

³⁵ Amina Wadud dilahirkan pada 25 September 1952 sebagai Mary Teasly. Beliau mengucap syahadah pada tahun 1972. Pada tahun 1988, beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam Bahasa Arab dan Pengajian Islam dari Universiti Michigan. Pada tahun 1989 hingga 1992, beliau bekerja sebagai Penolong Profesor dalam Kajian Qur'an di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ketika di sana, beliau menerbitkan sebuah buku bertajuk *Qur'an and Woman: Rereading the Sacred Text from a Woman's Perspective* (Qur'an dan Wanita: Pentafsiran Kembali Ayat-Ayat Suci dari Kaca Mata Wanita). Beliau juga menjadi pengasas bersama pertubuhan bukan kerajaan "Sisters in Islam". Amina Wadud menjadi terkenal apabila menjadi imam Solat Jumaat di Virginia Commonwealth University, New York, pada 18 March 2005. Beliau kemudian mengulanginya lagi di Oxford, England, pada tahun 2008. (Sila lihat: https://ms.wikipedia.org/wiki/Amina_Wadud, diakses pada 3 Ogos 2019)

³⁶ Sumanto al-Qurtubi. *Jurnal Justisia*. Fak. Syariah IAIN Walisongo Semarang. Edisi 23, th.XI, 2003.

pencarian. Karena itu, kini kita diperkenankan bermain-main dengan Mushaf tersebut, tanpa ada beban sedikitpun, beban sakralitas yang melingkupi perasaan dan pikiran kita."³⁷

Penolakan terhadap hadits (*Inkarussunnah*)

Islam Liberal mengingkari hadits Nabi sebagai sumber kedua hukum syara' kerana menganggap bahawa hadits-hadits Nabi itu datangnya dari seorang manusia berbanding kitab suci al-Qur'an, disamping menganggap hadits yang dijadikan sandaran bercampur-baur dengan hadits-hadits yang dipalsukan. Atas dasar ini, mereka menolak banyak hukum yang disyari'atkan Islam kerana dikatakan tidak ada dalam al-Qur'an seperti hukum rejam dan sebagainya. Aliran ini hanya berpegang kepada dalil-dalil yang dibawa oleh al-Qur'an semata-mata dengan penafsiran yang begitu bebas kerana menganggap bahawa al-Qur'an dari Tuhan manakala hadits dari seorang manusia.

Pendapat yang bertitik tolak dari pemikiran rasional ini telah berjaya mempengaruhi ramai orang Islam yang kurang mendalami ajaran Islam sebenar. Justeru, tidak hairan fahaman ini telah mempengaruhi orang tempatan (Brunei) yang tidak mempunyai asas pendidikan agama yang kukuh dan cuba menyebarkannya pula kepada orang ramai melalui akhbar tempatan dalam ruangan "*opinion*" dan media sosial³⁸ milik beliau sekitar tahun 2013. Beliau kononya tidak menolak hadits tetapi hanya mempersoal adanya percanggahan hukum yang dijelaskan dalam al-Qur'an dan hadits dalam soal hukuman rejam terhadap pezina. Beliau menyatakan:

*"Saya sangat bersetuju dengan ayat-ayat ini (Surah al-Hasyr: 7) dan saya akan mengikut apa sahaja yang dikatakan oleh Nabi sendiri. Bukannya melalui kata-kata orang lain. Adakah terdapat buku yang ditulis oleh Nabi sendiri, kata-kata yang langsung daripada baginda seperti Al-Qur'an? Jika tidak, maka saya tidak boleh menyetujui semua hadits adalah 100% benar tanpa sebarang kesilapan atau percanggahan, bahkan dalam Hadis Sahih Bukhari dan Sahih Muslim."*³⁹

Pernyataan ini bukan sahaja telah mempertikaikan pandangan ijma' ulama mengenai kedudukan hadits sahih yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim, malah juga seolah-olah mempertikaikan hadits itu sendiri yang sememangnya diriwayatkan oleh para sahabat dan juga perawi berikutnya.

Penolakan terhadap hukum rejam

Kecenderungan aliran Islam Liberal menolak hadits termasuk hadits sahih telah mendorong mereka menolak hukuman rejam yang jelas disyari'atkan dalam Islam sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

"Seorang lelaki telah datang menemui Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam semasa baginda berada di dalam masjid lalu beliau memanggil Rasulullah seraya berkata: Wahai

³⁷ Aksin Wijaya, *Menggugat Otentisitas Wahyu Tuhan*, Tesis Master di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, diterbitkan Safiria Insania Press Yogyakarta, 2004, 123.

³⁸ <http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com/2013/03/mora-issues.html?m=1#1/2013/03/mora-issues.html>

³⁹ Dalam blog peribadi beliau yang boleh diakses sekitar tahun 2013: "*I totally agree with these verses (al-Hasyr: 7) and I will follow whatsoever the Prophet 'himself' says. Not through whatsoever 'someone else' says. Is there a book written by the Prophet himself, words directly from him like the Qur'an? If not, then I cannot agree all the hadits are 100% true without any errors or contradictions, even in Hadits of Sahih Bukhari and Sahih Muslim.*" (Sila lihat: <http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com/2013/03/mora-issues.html?m=1#1/2013/03/mora-issues.html>, diakses sekitar Mac 2013)

Rasulullah sesungguhnya aku telah melakukan perbuatan zina, maka Rasulullah berpaling daripadanya sehingga diulang pengakuannya sebanyak empat kali. Maka apabila lelaki berkenaan telah membuat pengakuan ke atas dirinya sebanyak empat kali Rasulullah shallallahu'alaihi wasallam pun memanggilnya lalu bersabda: Adakah engkau gila? Jawab lelaki itu: Tidak. Nabi bersabda lagi: Adakah engkau telah kahwin? Jawab lelaki itu: Ya. Maka Nabi bersabda: Bawalah dia dan jalankan hukuman rejam". (Muttafaq 'Alaih)

Bagi golongan ini, hadits seperti ini harus ditolak kerana ia difahami oleh golongan ini sebagai bertentangan dengan al-Qur'an yang hanya menjatuhkan hukuman sebat 100 kali kepada orang yang berzina, sebagaimana firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah An-Nur ayat 2 mafhumnya: *"Perempuan dan laki-laki (yang belum berkahwin) berzina, maka sebatlah tiap-tiap orang daripada keduanya seratus kali sebatan"*.

Berasaskan pandangan inilah mendorong salah seorang tempatan (Brunei) mempertahankan pandangannya dalam menolak hukum rejam yang disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan bertajuk *"Should we resort to stoning or flogging?"* (Kita harus mengambil jalan untuk rejam atau sebatan?) melalui ruangan *"Opinion"* (Pandangan) pada 13 Mac 2013. Beliau menjelaskan:

"Jadi sekarang ia adalah jelas, rejam sebagai hukuman untuk zina memang tidak disebut dalam al-Qur'an. Sekarang soalan saya kepada orang-orang yang bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang Syari'ah: Manakah yang lebih unggul, Al-Qur'an atau hadits? Jika Al-Qur'an mengatakan maka sebatlah mereka, dan Hadits mengatakan rejam mereka, mana satu yang akan anda laksanakan? Perkataan Allah yang langsung ada dalam al-Qur'an, atau hadits yang bukan datangnya secara langsung dari Allah SWT?"

Jika kita gunakan akal, jika Hadits telah dicipta sebelum ayat di dalam Al-Qur'an Bab 24:2 itu diturunkan oleh Allah SWT, maka jelas al-Qur'an telah digantikan Hadits. Sebaliknya, jika hadits telah dicipta selepas ayat itu diturunkan, maka ia adalah jelas Hadits telah bercanggah dengan Al-Qur'an, yang tidak masuk akal sama sekali kerana Al-Qur'an adalah sempurna dan tidak memerlukan apa-apa pindaan melalui Hadits.⁴⁰

Beliau seterusnya menegaskan dalam blog beliau yang boleh diakses oleh orang awam:

"Pembahagian umat Islam adalah disebabkan oleh manusia. Hadits dicipta oleh manusia. Tetapi al-Qur'an adalah langsung dari Tuhan, dan dalam al-Qur'an tidak ada yang

⁴⁰ *"So now it is clear, stoning (rajm) as a punishment for adultery is definitely not mentioned in the Quran. Now my question to those who are responsible to implement the Syariah Law: Which is more superior, the Quran or the Hadith? If Quran says flog them, and the Hadith says stone them, which would you follow? Allah's direct words in the Quran, or the Hadith which is not directly from Allah the Almighty? If we use common sense, if the Hadith was created before the verse in the Quran Chapter 24:2 was sent down by Allah the Almighty, then obviously the Quran has superseded the Hadith. Contrary to that, if the Hadith was created after the verse was sent down, then it is clear the Hadith has contradicted the Quran, which doesn't make sense at all as the Quran is perfect and doesn't need any amendment through a Hadith. (Borneo Bulletin, "Should we resort to stoning or flogging?", "Opinion", Mac 13, 2013.*

menyebut tentang muhsan. Kenapa Allah Yang Maha Kuasa meninggalkannya menganggap hukuman lebih keras menurut hadits?”⁴¹

Beliau seterusnya merumuskan:

“...rejam hingga mati tidak ada dalam Al-Quran dan pada saya hukumannya adalah tidak Islamik kerana ia adalah bertentangan dengan apa yang dijelaskan dalam Al-Qur’an.”⁴²

Pandangan seumpama ini jelas mengelirukan dan dibina tanpa asas-asas ilmu agama yang kukuh. Mereka cuba mempertikai keunggulan undang-undang Islam yang sudahpun menjadi teras kefahaman umat Islam sejak berzaman lagi iaitu bermula dari zaman Rasulullah dan para sahabat Baginda lagi.

Ulama telah ijma' bahawa yang dimaksudkan dengan pezina perempuan dan pezina lelaki yang dikenakan hukuman sebat seratus kali itu ialah khusus untuk pezina yang belum kahwin. Manakala Hukum pezina yang sudah *muhsan* adalah rejam sampai mati sebagaimana yang diriwayatkan dalam hadits-hadits sahih sebagai satu pembalasan ke atas pezina.

Ulama Ahli Sunnah Waljama'ah juga telah bersepakat bahawa hukum *qisas*, *hudud* dan *ta'zir* yang telah dirumus oleh ulama mujtahidin (fuqaha) adalah termasuk dalam ajaran asasi Islam yang disebut “*al-ma'lum minaddin biddarurah*”. Oleh yang demikian, barang siapa yang meragui atau menolak hukum-hakam tersebut, orang seperti itu diragui keimanannya dan pegangan ugamanya adalah rapuh.

Ibnu Qudamah *rahimahullah* dalam kitab al-Mughniy menyatakan: “Kewajipan merejam pezina *muhsan* (pezina yang telah berkahwin dengan cara yang sah) baik lelaki atau perempuan adalah pendapat seluruh para ulama dari kalangan sahabat, tabi'in dan ulama-ulama selepasnya diseluruh negeri Islam dan kami tidak mengetahui ada *khilaf* atau perbezaan pendapat mengenainya kecuali daripada kaum Khawarij”.⁴³

Oleh itu, pandangan yang memperlekeh hukum Islam sedemikian adalah keliru, dan sama sekali tidak berasas. Ia bercanggah dengan kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah yang mendokong kewibawaan ulama sebagai pewaris para *Anbiya'* dalam memahami dan mentafsir ayat-ayat dan hadits-hadits hukum.

Penolakan terhadap Hukum Murtad

Pembela Islam Liberal mempertikaikan kesesuaian Hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menyebut “*Sesiapa yang menukar agamanya, maka hendaklah dibunuh*”.⁴⁴ Bagi mereka hadits ini bertentangan dengan

⁴¹ “*The division of Muslims is caused by Humans. Hadits is created by humans. But Qur'an is directly from God, and in Qur'an there is nothing mentions about muhsan. Why would Allah the Almighty left it out consider the punishment is more harsh according to the hadits?*”

(Sila lihat: <http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com/2013/03/moraissues.html?m=1#!/2013/03/moraissues.html>, diakses sekitar Mac 2013).

⁴² Beliau menulis: “*... stoning to death is not in the Quran and to me the punishment is un-Islamic as it is against what the Quran says*”. (Borneo Bulletin. “What about the rights of victims?”. Opinion. Mac 16, 2013.

⁴³ Ibn Qudamah, ‘Abdullah ibn Ahmad, al-Mughni, Dar Ihya al-Turats al-‘Arabiyy, 1405H/1985M, Juz 9, hlm. 39.

⁴⁴ Hadits sahih riwayat Ahmad, al-Bukhārī, Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā’i dan Ibn Mājah.

ajaran al-Qur'an yang menekankan kebebasan beragama sebagaimana yang disebutkan dalam Surah al-Kahfi ayat 29 yang mafhumnya, "*Maka sesiapa yang mahu (beriman), hendaklah dia beriman; dan sesiapa yang mahu (kafir), biarlah dia kafir*".

Persoalan kebebasan beragama berbeza dengan persoalan mereka yang murtad dari agama. Agama Islam sememangnya tidak memaksa manusia beragama dengan agama Islam. Penerimaan Islam secara paksa tidak diperakui oleh Islam sendiri. Bagaimanapun, apabila seseorang telah memeluk agama Islam, mereka mestilah mematuhi hukum-hukum Islam. Memberi alasan antara pelaksanaan hukum bunuh terhadap mereka yang murtad dengan kebebasan beragama sebagai bertentangan, bermakna Hadits Nabi tidak lagi menjadi pentafsir kepada nas al-Qur'an dan inilah yang mereka perjuangkan. Sedangkan pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* hukum terhadap mereka yang murtad ini telah dilaksanakan.

Sabitnya penolakan dan penafian pelaksanaan hukum tersebut pada zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* secara langsung menghina *sunnah fi 'liyyah* yang dijalankan oleh Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan boleh membawa kepada murtadnya seseorang daripada Islam.

Rumusan dan Penutup

Kemunculan aliran Islam Liberal di rantau ini menunjukkan bahawa musuh-musuh Islam di sebalik nama Islam dalam gerakan mereka tidak pernah berhenti berusaha untuk memadamkan cahaya ugama Allah, tetapi Allah *subhanahu wata'ala* tetap akan menyempurnakan dan memeliharanya walaupun mereka membencinya. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-Qur'an yang mafhumnya:

"Mereka hendak memadamkan cahaya (agama) Allah dengan perkataan-perkataan yang mereka ucapkan) dengan mulut mereka, tetapi Allah menolaknya, bahkan menyempurnakan cahaya (agama)Nya itu, walaupun orang-orang kafir tidak menyukai". (Al-Taubah: 32).

Ulama tafsir⁴⁵ berkata: maksud "cahaya Allah" ialah hidayah dan ugama yang dibawa oleh Rasulullah, iaitulah agama Islam. Maksud "dengan ucapan-ucapan mereka" yakni usaha mereka itu diumpamakan seperti hendak memadamkan cahaya matahari atau bulan dengan cara meniupnya. Mereka tidak akan pernah berjaya, dan tidak mungkin menemukan jalan untuk itu. Demikianlah, ugama Islam yang dibawa oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* setentunya telah sempurna dan akan terpelihara sepanjang zaman.

Biarpun perkembangan aliran Islam liberal tidak separah yang berlaku dinegara-negara Islam lain di nusantara ini, namun pengaruh fahaman Islam liberal di Negara Brunei Darussalam dapat dikesan melalui beberapa butiran utama yang menjadi pegangan asas dan strategi penyebaran golongan liberal ini. Antaranya mencabar dasar syari'ah Islam yang dibangunkan oleh fuqaha Islam berasaskan al-Qur'an dan sunnah seperti dalam perkara pensyari'atan hukum rejam terhadap pelaku zina muhsan, mempertikaikan hadits sebagai sumber hukum dan penolakan berterusan terhadap pihak autoriti ugama. Gerakan ini juga boleh dikesan melalui penghujahan yang berasaskan logik dan rasional yang melampau sehingga menganggap segala dalil yang dibawa oleh al-Qur'an dan sunnah tetapi tidak dapat diterima dari segi akal dan rasional bagi pandangan mereka, maka perkara itu perlu ditafsir semula atau ditolak. Dalam hal ini, mereka jelas

⁴⁵ Lihat: Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. *Jami'al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir. Mu'assasah al-Risalah. 2000. Juz 13. Hlm. 213. Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad. *Al-Jami'Li Ahkam al-Qur'an*. Dar al-Kutub al-Mishriyyah. Al-Qahirah. 1964. Juz 8. Hlm. 121.

mengamalkan pendekatan yang longgar dan bertentangan dengan piawaian baku yang dirumuskan oleh sarjana Islam.

Hasil tinjauan juga mendapati dengan perkembangan teknologi komunikasi dan berkembangnya era globalisasi ini, informasi mengenai ajaran-ajaran yang dibawa oleh aliran Islam Liberal ini boleh diakses dengan cepat dan mudah. Perkembangan ini menyebabkan mereka yang jahil tentang agama mendapatkan ilmu agama dari sumber yang diragui kebenarannya dan kebanyakan mereka ini tidak dapat menilai samada maklumat yang diperolehi itu benar atau sebaliknya. Perkembangan ini semakin menggusarkan apabila mereka yang terpengaruh dengan fahaman aliran ini menyebarkan pula kepada orang ramai melalui media massa dan media sosial.

Perkembangan menggusarkan ini mendorong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dalam Majlis Ramah Mesra bersama pelajar dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam di New Zealand menyedarkan kita agar berhati-hati terhadap pakar perosak, pakar yang tidak membantu negara sebaliknya hanya membebankan Negara. Pakar-pakar yang dimaksudkan Baginda termasuklah pakar penyebar dan pembawa ajaran-ajaran salah, pakar penulisan yang menulis hal-hal yang mengelirukan masyarakat, pakar membela al-Qur'an tetapi menolak hadits, pakar yang bercakap mengagung-agungkan undang-undang tetapi yang tersirat atau tersurat adalah merendahkan undang-undang Allah seperti mencercanya sebagai kolot dan sebagainya.⁴⁶ Peringatan Baginda Sultan ini adalah jelas merujuk tulisan-tulisan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan ketika itu yang dilihat sangat membimbangkan dan berpotensi merosakkan aqidah umat Islam di negara ini.

Justeru, senjata yang paling ampuh dalam usaha mengekang perkembangan aliran Islam Liberal ini di Negara Brunei Darussalam malah juga dunia Islam ialah melalui pemerkasaan pendidikan ugama sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Raya Aidiladha 1434H pada 10 Zulhijjah 1434 bersamaan 15 Oktober 2013:

“Walaupun perkara ini berlaku di tempat lain, namun kita tetap perlu berhati-hati, memandangkan sifatnya adalah ibarat 'penyakit berjangkit', jika kita tidak mengambil langkah pencegahannya, tidak mustahil, kita juga akan turut dijangkiti. Langkah pencegahan itu adalah pelbagai. Selain dari mengukuh dan memantapkan pendidikan ugama, semua agensi atau institusi kerajaan juga adalah bertanggungjawab untuk menapis atau meneliti kemasukan sebarang anasir yang tidak diingini.”⁴⁷

Semoga titah ini dijunjung sebaik-baiknya oleh jentera kerajaan yang diamanahkan dalam usaha mengekang perkembangan ajaran-ajaran yang menyeleweng terutama aliran kontemporari yang sedang berkembang atas nama Islam seperti aliran Islam Liberal.

⁴⁶ Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Bersama Pelajar-pelajar dan Rakyat Negara Brunei Darussalam Di New Zealand pada 13 Jamadilawal 1434 bersamaan 25 Mac 2013.

⁴⁷ Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Raya Aidiladha 1434H pada 10 Zulhijjah 1434 bersamaan 15 Oktober 2013.

Bibliografi:

- Abd Wahhab Kallaf. 1995. Ilmu Usul Fiqh Wa Khalasah at-Tasyri' al-Islai. Darul Fikir al-'Arabi.
- Adian Husaini. Liberalisasi Islam di Indonesia. 2006.
- Aksin Wijaya. *Menggugat Otentisitas Wahyu Tuhan*. Tesis Master di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Safiria Insania Press Yogyakarta. 2004.
- Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad. *Al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*. Dar al-Kutub al-Mishriyyah. Al-Qahirah. 1964.
- Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir. Mu'assasah al-Risalah. 2000.
- Anis Shakila Binti Ismail (2006), *Pemikiran Islam Liberal Di Malaysia: Kajian Terhadap Isu Yang Ditimbulkan Oleh Farish Noor Dan Syed Akhbar Ali*. Kertas Projek Sarjana Muda Usuluddin. APIUM.
- Borneo Bulletin, "Should we resort to stonning or flogging?", "Opinion", Mac 13, 2013.
- Borneo Bulletin. "What about the rights of victims?". Opinion. Mac 16, 2013.
- Charles Kurzman. *Liberal Islam: A Source Book*. Oxford, 1998.
- Fakulti Syariah IAIN Semarang. Edisi 25, Th XI, 2004.
- Haji Mohammad Ariffin Ismail. *Cabaran Aqidah : Pemikiran Islam Liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Haji Mohammad Ariffin Ismail. *Cabaran Aqidah : Pemikiran Islam Liberal*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Harian Kompas, Edisi 18 November 2002.
- Hartono Ahmad Jaiz dan Agus Hasan Bashori (2004). *Menangkal Bahaya JIL dan FLA*. Pustaka Al-Kautsar: Jakarta.
- [http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com /2013/03/moraissues.html?m=1#!/2013/03/ mora-issues.html](http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com/2013/03/moraissues.html?m=1#!/2013/03/mora-issues.html).
- <http://abdulrahmanviewpoint.blogspot.com/2013/03/mora-issues.html?m=1#!/2013/03/mora-issues.html>
- <http://www.thejakartapost.com/news/2008/03/27/islam-039recognizes-homosexuality039.html>
- https://en.wikipedia.org/wiki/Sisters_in_Islam.
- https://ms.wikipedia.org/wiki/Amina_Wadud
- <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/03/432071/selar-perhimpunan-lgbt>.
- <https://www.sistersinislam.org.my/>
- <https://www.sistersinislam.org.my/>
- Ibn Qudamah, 'Abdullah ibn Ahmad, al-Mughni, Dar Ihya al-Turats al-'Arabiy, 1405H/1985M, Juz 9.
- Jaringan Islam Liberal. Jakarta. 2005. Hlm. 220-221.
- Khalif Muammar. 2006. Atas nama Kebenaran Tanggapan Kritis Terhadap Wacana Islam Liberal. Selangor: Akademi Kemajuan Ketamadunan.
- Leonard Binder. *Islamic Liberalism*. Chicago 1988.
- Majalah GATRA, 21 Desember 2002.
- Menyegarkan Kembali Pemahaman Islam. Kompas, 18 Nov 2002.
- Mun'im Sirry (ed). *Fiqh Lintas Agama*. 2004.
- Mustafa Ma. *Ancaman Terhadap Hak-Hak Orang Islam*. Persidangan Implikasi Cadangan Penubuhan IFC Terhadap Hak-Hak Orang Islam. Kuala Lumpur. 2005.
- Ramli Awang. *Gagasan Islam Liberal: Gagasan dan Penilaian*.

Riduan Mohd.Nor. Siri Serangan Pemikiran. MHI Publication. 2006.

Sumanto al-Qurtubi. *Jurnal Justisia*. Fak. Syariah IAIN Walisongo Semarang. Edisi 23, th.XI, 2003.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Hijrah 1434 Pada 14 November 2012.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Raya Aidiladha 1434H pada 10 Zulhijjah 1434 bersamaan 15 Oktober 2013.

Titah KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Bersama Pelajar-pelajar dan Rakyat Negara Brunei Darussalam Di New Zealand pada 13 Jamadilawal 1434 bersamaan 25 Mac 2013.